

1977

SANDAKAN, 13 MEI (BERNAMA)- LEBIH 35 PERATUS DARIPADA SERAMAI 6,391 ORANG GURU DI SABAH TAHUN LALU ADALAH GURU SEMENTARA YANG TIDAK TERLATIH, KATA DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PELAJARAN BERKATA KERAJAAN MEMANDANG BERAT MASALAH KEKURANGAN GURU DAN GURU-GURU TERLATIH KERANA IA SUDAH TENTU MENGAKIBATKAN MUTU PENGAJARAN YANG TIDAK BEGITU MEMUASKAN.

DARIPADA SEJUMLAH 2,260 GURU TIDAK TERLATIH YANG TERDAPAT DI NEGERI INI TAHUN LALU, LEBIH 1,900 MENGAJAR DI SEKOLAH RENDAH DAN YANG LAINNYA DI SEKOLAH MENENGAH.

KETIGA-TIGA BUAH MAKTAB PERGURUAN DI SABAH SEKARANG INI HANYA DAPAT MENGELOKUTKAN LEBIH KURANG 400 ORANG GURU TERLATIH SETIAP TAHUN, TAMBAH DR. MAHATHIR.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MAKTAB PERGURUAN SANDAKAN -PUSAT LATIHAN GURU YANG KETIGA DI NEGERI INI- DI JALAN LABUK DEKAT SNI. MAKTAB YANG DITUBUHKAN DENGAN BELANJA \$1.2 JUTA ITU SIAP DIBINA PADA TAHUN 1974 DAN TELAH MEMULAI KURSUSNYA.

- BERSAMBUNG 1600/1B
MAHATHIR-GURU 2 SANDAKAN

KATANYAA UNTUK MENGATASI KEKURANGAN GURU-GURU TERLATIH DI NEGERI INI, KEMENTERIAN PELAJARAN MERANCANG UNTUK MEMPERBESARKAN MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN YANG ADA DAN MENDIRIKAN SEBUAH LAGI DI KENINGAU DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

KEMENTERIAN TERSEBUT JUGA MEMBERI LATIHAN KEPADA GURU-GURU TIDAK TERLATIH DENGAN MENGADAKAN KURSUS PADA TIAP-TIAP CUTI PENGGAL SELAMA TIGA BULAN BAGI TIAP-TIAP SATU KUMPULAN.

RANCANGAN INI TELAH PUN MULAI DIJALANKAN PADA CUTI PENGGAL PERTAMA TAHUN INI DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN GAYA DI KOTA KINABALU, KENT DI TUARAN DAN SANDAKAN.

KATANYA WALAUPUN PROJEK INI DIJANGKA DAPAT MEMBERI LATIHAN KEPADA SEMUA GURU TIDAK TERLATIH ITU MENJELANG TAHUN 1984, INI TIDAKLAH BERMAKNA SEKOLAH-SEKOLAH TIDAK AKAN MENGALAMI KEKURANGAN GURU TERLATIH.

INI DI SEBABKAN OLEH GURU-GURU BERHENTI DAN BERSARA, GURU-GURU DARI SEMENANJUNG PULANG KE TEMPAT MEREKA DAN JUGA BERTAMBAHNYA BILANGAN KANAK-KANAK YANG MASUK KE SEKOLAH TIAP-TIAP TAHUN. —
BERSAMBUNG 1603:1B

EE

B570

MAHATHIR-GURU 3 SANDAKAN

SEJAK DARI TAHUN 1972 HINGGA AKHIR TAHUN LALU SERAMAI 337 ORANG GURU LATIHAN MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN DI SEMENANJUNG DIHANTAR BERKHIDMAT DI SABAH DAN GURU-GURU TERLATIH DARI SEMENANJUNG AKAN TETAP DIKEHENDAKI LAGI DI SABAH SEKURANG-KURANGNYA DALAM BEBERAPA TAHUN LAGI.

DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIAN PELAJARAN JUGA TELAH MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA MEMILIH GURU-GURU TIDAK TERLATIH YANG MENGAJAR LEBIH DARIPADA LIMA TAHUN UNTUK MENGIKUTI LATIHAN KURSUS ASAS DALAM MAS CUTI SEKOLAH SELAMA LIMA TAHUN.

GURU-GURU INI MENGIKUTI SUKATAN PELAJARAN YANG SAMA DENGAN GURU-GURU PELATIH DI MAKTAB DAN SELEPAS MEREKA LULUS, MEREKA JUGA AKAN MENDAPAT KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG SAMA.

UNTUK TAHUN INI SERAMAI 127 ORANG TELAH DIPILIH UNTUK MENGIKUTI KURSUS ITU DI MAKTAB GAYA, 61 DI MAKTAB PERGURUAN SANDAKAN DAN 59 DI MAKTAB KENT. 58

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU JUGA TELAH MENGARAHKAN KEMENTERIAN PELAJARAN SUPAYA MEMBERI ALAT-ALAT BANTUAN UNTUK PENGGUNAAN DI BILIK DARJAH SEPERTI YANG DIBERI MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN PENDIDIKAN. — BERSAMBUNG 1615/SZ

88

571

MAHATHIR-GURU 4 SANDAKAN

KEMENTERIAN PELAJARAN JUGA TELAH MENGGUBAL TATASUSILA PERGURUAN UNTUK MEMBERI PANDUAN KEPADA GURU-GURU SUPAYA SENTIASA INGAT DAN WASPADA DALAM MENJALANKAN TUGAS-TUGASNYA DAN TIDAK MENYELEWENG DARI TUJUAN SEBENAR PROFESYENNYA ITU.

BELIAU BERKATA UNTUK MENDAPAT GURU-GURU MENGAJAR MATA-PELAJARAN SAHAJA TIDAKLAH BEGITU SUKAR.

APA YANG SUKAR IALAH MENDAPATKAN GURU YANG BUKAN SAHAJA PANDAI MENGAJAR MATA-PELAJARAN TETAPI JUGA MEMPUNYAI MINAT DAN DEDIKASI YANG TINGGI DALAM PROFESYENNYA. -- BERNAMA 1617/SZ

MAHATHIR-GURU 5 SANDAKAN (SAMPUNGAN PERITA 571)

KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH PERKATA KEMENTERIAN PELAJARAN MENGAMBIL ALIH PENTADIRAN SEKOLAH AGAMA DAN LATIHAN GURU AGAMA DI SABAH MULAI TAHUN INI.

MAJLIS ISLAM SABAH BERTANGGUNGJAWAB MENTADIRKAN SEKOLAH TERSEBUT SEBELUM INI.

MENGUCAP TERIMA KASIH KEPADA KEMENTERIAN ITU, BELIAU BERKATA GURU AGAMA YANG TERLATIH SANGAT KURANG DI SABAH.

BELIAU PERHARAP LANGKAH KEMENTERIAN ITU AKAN DAPAT MENGADAKAN LEBIH RAMAI LAGI GURU-GURU SEPERTI ITU.

DATUK HARRIS MENYATAKAN SERUAH SEKOLAH AGAMA KEPANGSAAN AKAN DIDIRIKAN DI MENGGATAL, SEMBILAN BATU DARI KOTA KINABALU, SEBAGAI SALAH SATU LANGKAH KERAJAAN MENGATASI KEKURANGAN TERSEBUT.

KEMUDIANNYA, DR. SITI HASMAH, ISTERI TIMBALAN PERDANA MENTERI, MENYAMPAIKAN SIJIL-SIJIL KEPADA 80 ORANG GRADUAN MAKTAB PERGURUAN ITU.

DR. MAHATHIR DAN ROMBONGANNYA JUGA MENYAKSI SATU PERTUNJUKAN KEBUDAYAAN OLEH PELAJAR-PELAJAR. -- BERNAMA 1826/BY